

“JAMINAN PENGIKTIRAFAN HALAL NEGARA ANGGOTA MABIMS”

Mesuarat SOM Ke 40

19 – 22 Oktober 2015

Negara Brunei Darussalam

Oleh

Republik Singapura

Pendahuluan

Pensijilan Halal Singapura bermula pada tahun 1978. Semenjak itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan jaminan pengiktirafan Halal di Singapura. Ini termasuk penubuhan peruntukan undang-undang dalam pensijilan Halal di bawah Akta Pentadbiran Hukum Islam (*Administration of Muslim Law Act, AMLA*). Dengan adanya AMLA, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis)¹ berkuasa mengeluarkan sijil Halal dan menjalankan penguatkuasaan ke atas para pemegang pensijilan Halal di Singapura². Inisiatif-inisiatif lain untuk meningkatkan integriti Halal termasuk pembangunan piawaian Halal Singapura pada tahun 2006 dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Mutu Halal Muis Singapura (*Singapore Muis Halal Quality Management System, HalMQ*) pada tahun 2008³.

2 Industri Halal di Singapura telah berkembang pesat sejak 20 tahun yang lalu. Dari hanya sekitar 300 sijil halal yang dikeluarkan setiap tahun kepada produk dan premis makanan pada tahun 90-an, jumlah itu melonjak kepada hampir 30,000 pada tahun 2014. Tren positif ini telah meluaskan lagi pilihan makanan untuk pengguna Islam dan peluang perniagaan bagi para pemain industri. Dengan industri yang berkembang, Muis mempunyai tanggungjawab untuk terus memastikan bahawa ia

¹ Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia. Muis ditubuhkan pada tahun 1968 ketika Akta Pentadbiran Hukum Islam (AMLA) digubal. Muis bertanggungjawab bagi ehwal masyarakat Islam di Singapura.

² Akta Pentadbiran Hukum Islam, Seksyen 88A(1) - Majlis boleh mengeluarkan sijil-sijil halal untuk apa sahaja produk, khidmat atau kegiatan dan melaraskan pemegang sijil-sijil ini untuk memastikan tuntutan hukum syariah dituruti dalam pengeluaran, pemrosesan, pemasaran atau pameran produk tersebut, penyediaan khidmat tersebut atau pelaksanaan kegiatan tersebut.

³ Sistem Pengurusan Mutu Halal Muis Singapura (*Singapore Muis Halal Quality Management System, HalMQ*), adalah pendekatan berstruktur 10 prinsip untuk meningkatkan sistem Halal di kalangan pemegang pensijilan Halal Muis. HalMQ telah ditanda aras dengan piawaian antarabangsa terkenal seperti ISO dan HACCP. HalMQ mula diperkenalkan di Singapura pada Mac 2008 dan kemudiannya diwajibkan ke atas semua pemohon / pemegang pensijilan Halal Muis pada Januari 2010.

melaksanakan peranannya sebagai badan pensijilan dan pengawal selia (*regulator*) yang berkesan demi meningkatkan integriti dan jaminan Halal di Singapura.

Pelaksanaan Kuasa Undang-undang Mengenai Pensijilan / Pemakanan Halal

3 Seksyen 88A(5) AMLA membolehkan Muis untuk mendakwa mana-mana pihak yang mengeluarkan sijil Halal atau menggunakan logo Halal Muis tanpa kelulusan⁴. Muis juga berkuasa untuk mengeluarkan denda kompaun berkaitan penyalahgunaan logo Halal Muis⁵. Peruntukan ini membolehkan Muis mengambil tindakan ke atas pesalah dengan lebih cekap dan kos efektif.

4 Seksyen 88A(7) AMLA membolehkan Muis menggantung atau menarik balik sijil halal sekiranya sebuah syarikat tidak mematuhi terma dan syarat pensijilan Halal Muis. Semua kes berkaitan pelanggaran syarat-syarat Halal akan dibawa ke Jawatankuasa Penguatkuasaan Halal Muis untuk menilai keseriusan kesalahan yang dilakukan serta rekod lampau syarikat tersebut sebelum membuat keputusan untuk menggantung sijil Halal atau sekadar mengeluarkan surat amaran.

5 Selain AMLA, Muis juga diberi kuasa untuk menjalankan fungsi berkanun di bawah Seksyen 17 Akta Penjualan Makanan untuk dakwaan yang mengelirukan seperti penggunaan logo Halal luar negara tanpa sijil yang sah atau papan tanda “Milik Orang Islam” oleh pemilik gerai bukan Islam. Kesalahan-kesalahan lain termasuk pemalsuan sijil Halal akan dikemukakan kepada pihak polis untuk tindakan sesuai di bawah Kanun Keseksaan (*Penal Code*).

⁴ Akta Pentadbiran Hukum Islam, Seksyen 88A(5) - Sesiapa, yang tanpa keizinan Majlis-

a) Memberikan sijil halal kepada sesuatu produk, khidmat atau kegiatan; atau
b) Menggunakan apa sahaja tanda pensijilan halal yang tertentu atau tiruannya, adalah bersalah dan boleh disaman tidak melebihi \$10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 12 bulan atau keduanya sekali.

⁵ Akta Pentadbiran Hukum Islam, Seksyen 88E(1) - Majlis boleh, berdasarkan pertimbangannya, mengeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah bahagian ini dengan mendenda si pesalah -

a) tidak melebihi separuh jumlah maksima denda bagi kesalahan tersebut; atau
b) \$2,000, yang mana lebih rendah.

Pemantauan / Penguatkuasaan Pensijilan Halal

Audit Pra-Pensijilan

6 Audit merupakan komponen penting dalam proses pensijilan Halal. Audit akan dijalankan di syarikat-syarikat yang memohon untuk mendapatkan sijil Halal bagi memastikan bahawa mereka mematuhi peraturan Halal Muis. Pemeriksaan pra-pensijilan bertujuan menilai tahap pematuhan terhadap piawaian Halal yang ditetapkan Muis. Antara lain, Muis memastikan bahawa pemohon mempunyai sistem Halal (atau HalMQ) yang baik, menggajikan sekurang-kurangnya dua kakitangan beragama Islam dan melantik pasukan Halal yang cekap dan telah menjalani kursus wajib pensijilan Halal yang dianjurkan oleh Akademi Muis.

7 Untuk mewujudkan mekanisme sekatan dan imbangan ("*check and balance*"), setiap permohonan Halal diproses oleh lebih daripada seorang pegawai. Permohonan yang mudah diluluskan oleh Jawatankuasa Kelulusan Halal manakala permohonan yang lebih kompleks dan memerlukan penilaian yang lebih mendalam akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa.

Pemeriksaan Berkala

8 Muis menjalankan pemeriksaan berkala ke atas premis yang telah mendapatkan sijil Halal untuk memastikan bahawa mereka mematuhi terma dan syarat pensijilan Halal pada setiap masa. Kekerapan pemeriksaan bergantung kepada tahap risiko sesebuah syarikat. Umpamanya, rumah penyembelihan ayam diklasifikasikan sebagai berisiko 'tinggi' dan perlu diperiksa dengan lebih kerap (setiap bulan).

9 Dari masa ke masa, Muis akan mengambil secara rawak sampel produk yang telah disahkan Halal untuk dianalisa di makmal bertauliah bagi memastikan bahawa ia tidak mempunyai bahan dari sumber khinzir atau mengandungi alkohol. Sekiranya produk tersebut dianalisa dan disahkan mempunyai bahan tidak Halal, Muis akan menggantung sijil syarikat tersebut dan mengarahkannya untuk segera menutup logo Halal di bungkusan produk tersebut atau menarik balik semua produk yang terjejas. Jika perlu, Muis akan mengumumkan penggantungan sijil Halal bagi produk yang terjejas **kepada badan penguasa luar negara**, termasuk badan pengesahan Halal di negara-

negara anggota MABIMS dalam rangka persetujuan Jawatankuasa Teknikal Bidang Khas Pembangunan Halal Negara-negara Anggota MABIMS⁶.

Pemantauan Rawak (Random)

10 Muis menjalankan pemantauan mingguan secara rawak di pusat makanan, pasaraya, bazar dan sebagainya bagi memastikan bahawa produk di pasaran tidak menyalahguna logo Halal dan premis-premis makanan tidak mempamerkan sijil Halal salinan ataupun sijil yang sudah tamat tempoh. Selain itu, Muis juga menjalankan siasatan setiap kali ada aduan awam yang diterima melalui panggilan telepon, emel dan media sosial.

Jaminan Pengiktirafan Halal Memerlukan Kerjasama Pihak-pihak Yang Berkepentingan (“Stakeholders”)

Peranan Pengguna

11 Selain inisiatif yang dijelankannya sendiri, Muis banyak melibatkan masyarakat Islam untuk mendapatkan maklumat penting bagi melengkapi usaha pemantauan ke atas industri Halal Singapura. Muis telah memanfaatkan media sosial seperti Twitter (@halalsg) untuk mendekati pengguna Islam, khususnya golongan muda. Pengguna digalakkan memberi maklum balas dengan segera melalui Twitter sekiranya terjumpa sebarang kesalahan berkaitan pensijilan Halal atau mempunyai kemusykilan mengenai pemakanan Halal. Muis juga mengeluarkan maklumat setiap hari untuk mendidik masyarakat mengenai pensijilan/pemakanan Halal. Berbeza dengan saluran dalam talian yang lain, @halalsg melibatkan pengguna Islam dengan cara interaktif dan mengambil hati melalui penggunaan bahasa yang sesuai, kartun, mesej lucu dan lain-lain lagi.

⁶ Pada 10 September 2013, Jawatankuasa Teknikal Bidang Khas Pembangunan Halal Negara-negara Anggota MABIMS bersetuju bahawa (i) cadangan perkongsian maklumat dan hasil analisa makmal berkaitan boleh dikongsi oleh negara-negara anggota MABIMS mengikut platform yang telah dicadangkan, dan (ii) jenis dan bentuk maklumat dan hasil analisa makmal yang hendak dikongsi adalah terserah kepada setiap negara-negara anggota MABIMS kerana maklumat dan analisa data yang dikongsi perlu mengikut konteks dan keperluan semasa dalam keadaan yang terkawal mengikut undang-undang yang berkuatkuasa.

Peranan Industri

12 Jaminan pengiktirafan Halal merupakan tanggungjawab bersama Muis dan setiap pemain industri Halal di Singapura. Sebagai sebuah badan penguasa, Muis mewajibkan pemegang sijil Halal untuk melalui kursus untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka mengenai peraturan dan piawaian Halal, melaksanakan sistem Halal (HalMQ) yang efektif serta menubuhkan pasukan Halal dan menggajikan kakitangan Islam yang berwibawa. Muis juga menganjurkan sesi untuk mendidik pengendali bazar Ramadhan, penganjur pameran makanan, pengimport dan lain-lain lagi peraturan-peraturan berkaitan penjualan dan pengimpotan produk Halal.

Peranan Negara-negara Anggota MABIMS

13 Hasil kesepakatan negara-negara anggota MABIMS untuk pemeraksanaan Halal, suatu Jawatankuasa Teknikal Bidang Khas Pembangunan Halal Negara-negara Anggota MABIMS telah ditubuhkan pada tahun 2011. Jawatankuasa ini bertujuan berbincang dan berkongsi maklumat dalam bidang teknikal dan operasi serta membangunkan protokol kerja MABIMS bagi koordinasi pensijilan Halal seperti mewujudkan mekanisme pengiktirafan pensijilan Halal di kalangan negara MABIMS. Sebanyak lapan pelan kerjasama berkaitan dengan pembangunan Halal telah disepakati, yakni:

- i. Pengiktirafan bersama
- ii. Kerjasama dalam bidang Fatwa
- iii. Kerjasama dalam hasil analisa makmal
- iv. Kerjasama dalam perkongsian maklumat dan data
- v. Pelan pengharmonian piawai Halal bersama
- vi. Pembangunan kompetensi auditor Halal
- vii. Promosi dan pengiktirafan pensijilan Halal negara-negara MABIMS ke negara-negara luar
- viii. Pembangunan penyelidikan secara bersama

14 Bagi memastikan jaminan pengiktirafan Halal di kalangan negara-negara anggota MABIMS, kerjasama Jawatankuasa Teknikal Bidang Khas Pembangunan Halal MABIMS untuk merealisasikan delapan-lapan pelan yang telah ditetapkan harus

diteruskan. Sebarang cadangan Jawatankuasa ini, setelah ia mempertimbangkannya dari aspek syariah, teknikal, operasi, undang-undang serta implikasi sosio-ekonomi kepada industri dan pengguna, boleh disusulkan kepada SOM dan MABIMS untuk dinilai dan dipersetujui.

Kesimpulan

15 Jaminan pengiktirafan Halal memerlukan pendekatan yang menyeluruh. Muis selaku badan penguasa Halal bekerjasama dengan industri dan pengguna Islam untuk mengukuhkan integriti sistem Halal di Singapura. Jaminan Halal ini dapat dikukuhkan lagi dengan meneruskan kerjasama baik Jawatankuasa Teknikal Bidang Khas Pembangunan Halal negara-negara anggota MABIMS.

Hjh Dewi Hartati Suratty
Timbalan Pengarah (Zakat dan Wakaf)
Majlis Ugama Islam Singapura